

**Dilabel 'militan' PERKASA protes di kedutaan Amerika
Malaysiakini.com
August 02, 2010**

Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA) hari ini membuat bantahan rasmi kepada kerajaan Amerika Syarikat berhubung kenyataan bekas dutanya ke Kuala Lumpur, John R Malott yang mendakwa kumpulan itu sebagai pertubuhan militan.

Memorandum berkenaan diserahkan oleh presidennya, Datuk Ibrahim Ali kepada pemangku timbalan duta, Brian McPhearson dan konsul politik, Jeremy B Nathan di Kedutaan Amerika di ibu negara hari ini.

Beliau diiringi oleh penasihat undang-undang PERKASA, Salehuddin Saidin, timbalannya, Datuk Rahman Bakar dan ahli majlis NGO itu, Samsuri Arshad dan Ahmad Sujak.

Delegasi lima anggota itu dibenarkan masuk ke kedutaan itu pada jam 2.22petang dan keluar lebih sejam kemudian.

"Saya percaya Mr Malott mendengar maklumbalas yang tidak tepat yang diberikan oleh seseorang yang rapat dengannya dan mempercayainya seratus peratus tanpa mencari kebenaran atau menyemak faktanya," kata Ibrahim selepas pertemuan itu.

Ibrahim berkata beliau mengambil masa juga untuk menjelaskan perkara sebenar berhubung PERKASA dan keterangannya itu disambut baik.

Menurut beliau, PERKASA juga menerangkan kepada wakil kerajaan Amerika berhubung dakwaan Malott bahawa perbicaraan liwat yang membabitkan ketua pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah konspirasi politik.

"Mr McPhearson berkata kepada saya yang beliau juga keliru dengan laporan berhubung perkara itu, dan beliau memberi jaminan bahawa pandangan Malott bersifat peribadi dan tidak mewakili pandangan rasmi kerajaan Amerika," kata Ibrahim yang juga ahli parlimen Pasir Mas.

Lebih kurang 30 anggota polis termasuk empat yang lengkap bersenjata dengan 'sub-machine gun' mengawal di pintu masuk ke Kedutaan Amerika.

Selain kehadiran wartawan dan jurugambar, kira-kira 10 penyokong PERKASA juga berhimpun di luar pejabat kedutaan itu.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/138978>